

Pakar EU membincangkan manfaat-manfaat yang terdapat dalam perlindungan varieti tanaman untuk para petani dan penternak di Asia Tenggara.



SOUTH-EAST ASIA



Funded by the European Union

**Webinars on Plant Variety Protection
and UPOV 1991 | 10-11 June 2021**



Bangkok, Thailand, 1 Julai 2021

Pada awal bulan Jun, Kesatuan Eropah (EU) telah menganjurkan sebuah program dibawah kerjasama teknikal harta intelek (IP) IP Key South-East Asia (SEA) yang bertajuk '**Webinar Series on Plant Variety Protection and UPOV 1991**'. Webinar ini diadakan dengan tujuan untuk menyediakan sektor awam dan swasta di EU dan Asia Tenggara dengan platform yang dapat membincangkan pelbagai faedah untuk perkara-perkara seperti perlindungan varieti tanaman bagi para petani dan penternak, menjadi ahli dalam undang-undang 1991 Konvensyen UPOV dan peranan penting yang dijalankan oleh pembiakan tanaman dalam pertanian lestari dan keselamatan makanan global.

Para petani dan wakil penternak dari Eropah dan Asia Tenggara yang turut serta dalam webinar ini menjelaskan bagaimana sistem perlindungan varieti tanaman yang berkesan memastikan akses kepada varieti tanaman baru di pasaran global.

Antara penceramah dan ahli panel adalah wakil-wakil dari institusi dan organisasi yang berurusan dengan perlindungan pelbagai jenis tanaman dan pembiakan tanaman di Kesatuan Eropah dan Asia Tenggara, iaitu, Pejabat Varieti Tumbuhan Komuniti (CPVO), Kesatuan Antarabangsa untuk Perlindungan Varieti Tumbuhan Baru (UPOV), COPA-COGECA, Vinaseed, East-West Seed, HFFA Research, Grapa Variettes, HZPC Potatoes and the Asia and Pacific Seed Association (APSA).

Penyelidikan yang dibincangkan dalam webinar ini menekankan kesan-kesan pembiakan tanaman kepada sosio-ekonomi dan persekitaran di EU: iaitu sekiranya pembiakan tanaman telah tidak diadakan dalam 20 tahun berlalu, hasil tahunan dari pertanian didapatkan berkurang sebanyak 20%.



Funded by the European Union



EUROPEAN UNION
INTELLECTUAL PROPERTY OFFICE

Tujuan pembiakan, antara yang lain, adalah untuk mendatangkan varietas baru yang mampu mengeluarkan hasil yang lebih tinggi, matang awal atau lebih tahan menghadapi pelbagai masalah seperti musim kekeringan atau terdedah kepada perosak dan penyakit tanaman. Varieti seperti ini dapat menangani cabaran-cabaran ekologi seperti mengurangkan kerperluan dari segi pertanian iaitu memakai racun perosak dan baja yang tidak diingini.

Salah satu negeri contoh yang membuktikan kesan baik dalam menyertai and menjadi ahli Konvensyen UPOV 1991 adalah negeri Korea Selatan. Sebelum Korea Selatan menyertai keahlian ini pada tahun 2002, petani-petani mereka banyak mengharapkan varietas dari negeri-negeri asing. Setelah menyertai Konvensyen UPOV 1991, Korea Selatan berhasil mengembangkan sebuah jenis bunga mawar baru yang setelah itu mereka eksport ke negari-negeri lain. Ahli anggota lain seperti Jepun sekarang juga berjaya mengeksport gentians cut 'Lovely Ashiro' mereka ke Eropah dan menyebarkan bahan-bahan mereka ke New Zealand dan Chile.

Contoh-contoh tersebut menunjukkan bahawa sistem UPOV memberi insentif untuk mengembangkan varieti tanaman baru dan ini disebaliknya memulangkan pelaburan kepada R&D. Seterusnya ia juga menawarkan kemungkinan pada para petani untuk memilih jenis-jenis tanaman yang lebih sesuai untuk penanaman dalam pelbagai keadaan iklim.

Kisah kejayaan Viet Nam dan Vinaseed

Vinaseed adalah sebuah syarikat pengeluaran benih Viet Nam yang ditubuhkan oleh kerajaan mereka pada tahun 1968 dan dijadikan syarikat swasta pada tahun 2003. Sebelum Viet Nam menjadi ahli UPOV, Vinaseed mempunyai perdagangan benih yang terbatas untuk kegunaan petani tempatan. Tetapi setelah menyertai UPOV pada tahun 2006, Vinaseed berpeluang untuk melabur dalam R&D di kemudahan penyelidikan mereka dengan harapan dan tujuan dapat menghasilkan tanaman jenis baru. Hasil pelaburan ini dapat dilihat dimana pengeluaran dan kapasiti eksport mereka menambah dan negeri-negeri seperti Kemboja, China, PDR Laos, dan Myanmar telah menjadi pasar eksport mereka. Sejak kemasukan UPOV 1991 di Viet Nam, pendapatan Vinaseed meningkat dari USD 25 700 pada tahun 2006 menjadi USD 52,2 juta pada tahun 2019.

Di sebalik itu, pendapatan rata-rata per hektar bagi para petani Viet Nam yang menggunakan varieti terlindung adalah dilaporkan sebanyak 46% lebih tinggi daripada mereka yang tidak menggunakan varieti terlindung. Ini adalah kerana hasil-hasil penggunaan varieti yang terlindung adalah sebanyak 21% lebih tinggi.

Kejayaan Vinaseed membuktikan bahawa sistem pembiakan tanaman di Viet Nam setelah itu lebih berkembang sejak berpartisipasi dalam Akta Konvensyen UPOV 1991.



Funded by the European Union



Dalam kerangka Konvensyen UPOV (1991) dan dengan sokongan kerajaan, 'petani-pengurus-saintis-usahawan' Viet Nam memainkan peranan yang sangat penting terhadap pertanian lestari yang didorong oleh inovasi.

Siri seminar ini adalah inisiatif yang dibiayai oleh Kesatuan Eropah di bawah program IP Key South-East Asia.



Funded by the European Union



EUIPO

EUROPEAN UNION
INTELLECTUAL PROPERTY OFFICE



Funded by the European Union



EUIPO

EUROPEAN UNION
INTELLECTUAL PROPERTY OFFICE

PENGENALAN TENTANG IP KEY ASIA TENGGARA

IP Key Asia Tenggara (IP Key SEA) adalah sebuah program yang sedang dijalankan selama 4 tahun, yang dibiayai oleh Kesatuan Eropah dan dilaksanakan oleh EUIPO dengan tujuan untuk menyokong perlindungan dan penguatkuasaan hak IP di seluruh Asia Tenggara agar dapat mewujudkan undang-undang dan persekitaran ekonomi yang kondusif untuk perdagangan dan pelaburan di rantau ini. Dengan menyumbang pada peningkatan kerangka IP dan pelaksanaan praktik terbaik, IP Key SEA bercita-cita untuk memastikan persaingan yang setara bagi kedua-dua syarikat tempatan dan pihak berkepentingan EU. IP Key SEA adalah salah satu dari tiga program yang dibiayai oleh EU yang didedikasikan untuk IP yang sedang dilaksanakan oleh EUIPO, bersama dengan IP Key China dan IP Key Amerika Latin.

PENGENALAN TENTANG PEJABAT HARTA INTELEK KESATUAN EROPAH (EUIPO)

Pejabat Harta Intelek Kesatuan Eropah (EUIPO) adalah agensi EU yang berpusat di Alicante, Sepanyol. Ia menguruskan pendaftaran tanda dagangan Kesatuan Eropah (EUTM) dan reka bentuk Komuniti berdaftar (RCD), yang kedua-duanya memberikan perlindungan di semua 27 Negara Anggota EU, serta menjalankan kegiatan kerjasama dengan pejabat harta intelek nasional dan serantau EU. Di bawah matlamat Pelan Strategik 2025, EUIPO, bersama dengan pejabat IP EU nasional dan serantau, bertujuan untuk mempromosikan kerjasama global mengenai IP antara rakan EU, negara ketiga dan organisasi multilateral.

Email: IPKEY-SEA@eipo.europa.eu

Website: www.ipkey.eu

Facebook: <https://www.facebook.com/IPKey.eu/>

Twitter: https://twitter.com/IPKey_EU

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/company/ipkey-eu/>

PRESS CONTACTS

Wassachol Sirichanthanun
Alejandro Izquierdo

Email: wassachol@ipkey.eu
Email: alejandro.izquierdo@eipo.europa.eu



Funded by the European Union

